



PELAJAR KMPH mendengar taklimat kakitangan UMP pada program Perkongsian Pintar bersama UMP di Dewan Mat Kilau, kolej berkenaan baru-baru ini.

11h (Nariti) 9/12/15 ms 8

500 pelajar KMPH sertai program bersama UMP

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahid
bhvarsiti@bharian.com.my

LEBIH 500 pelajar Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH) yang meminati bidang kejuruteraan dan sains komputer menjayakan Program Perkongsian Pintar anjuran bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama kolej itu di Dewan Mat Kilau, KMPH, baru-baru ini.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Yusserrie Zainuddin, berkata program itu ialah usaha terbaik mencapai matlamat pelan strategik UMP menjadi universiti pilihan pelajar cemerlang melanjutkan pengajian.

"UMP mempunyai infrastruktur mencukupi, makmal berteknologi tinggi dan pensyarah berpengalaman yang dapat melahirkan jurutera dan teknokrat berwibawa," katanya ketika menyampaikan taklimat mengenai universiti dan tawaran program Dwi-Ijazah di UMP.

Yusserrie berkata, perkongsian pintar itu bukan saja membabitkan kecemerlangan akademik pelajar tetapi merangkumi perkembangan kakitangan, penyelidikan dan pembangunan.

Jalinan kerjasama itu juga, katanya, membolehkan perpustakaan dan Pusat Sumber di UMP dan KMPH berkongsi kepakaran.

"Program seumpama ini akan diteruskan pada masa depan. UMP juga berusaha mendapatkan lebih banyak



Program seumpama ini akan diteruskan pada masa depan. UMP juga berusaha mendapatkan lebih banyak biasiswa dan penajaan bagi kemudahan pelajar yang ingin menyambung pengajian di universiti teknikal ini"

**Dr Yusserrie
Zainuddin**

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),
UMP

biasiswa dan penajaan bagi kemudahan pelajar yang ingin menyambung pengajian di universiti teknikal ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah KMPH, Zaidi Yazid berkata, beliau berpuas hati dengan pelaksanaan jalinan kerjasama itu dan berharap ia dimanfaatkan sepenuhnya peserta.

Program itu kata beliau dapat memotivasikan pelajar mendapat keputusan cemerlang serta membuat persediaan dalam memilih bidang yang sesuai selepas menamatkan program matrikulasi.

"Ia juga mengeratkan hubungan antara kedua-dua institusi menerusi perkongsian pengetahuan dan kepakaran dalam akademik," katanya.